

4 • NASIONAL



Seri Paduka dan Tuanku Hajah Haminah bersama ketua perwakilan Malaysia ke luar negara selepas **majlis istiadat penerimaan watikah pelantikan dan majlis menghadap** di Istana Negara, semalam.

(FOTO BERNAMA)

7 terima watikah pelantikan ketua perwakilan

Kuala Lumpur: Bekas Menteri Persekutuan, Tan Sri Bernard Dompok antara tujuh yang menerima watikah pelantikan sebagai ketua perwakilan Malaysia ke luar negara daripada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah di Istana Negara, semalam.

Dompok, 67, yang juga bekas Ketua Menteri Sabah dilantik Duta Besar Malaysia ke Holy See.

Yang turut menerima watikah ialah bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kewangan, Datuk Seri Hasan Malek yang dilantik sebagai Duta Besar ke Kemboja.

Turut berangkat sama, Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Luar, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican dan isteri, Datin Seri Ismalina Ismail serta Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Ho

May Yong.

Terima watikah

Lima lagi yang menerima watikah ialah Shahril Effendi Abd Ghany (Duta Besar ke Oman), Datuk Ayauf Bachi (Duta Besar ke Ukraine), Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin (Duta Besar ke Poland),

Datuk Ilango Karuppattan (Pesuruhjaya Tinggi ke Singapura) dan Wan Zaidi Wan Abdullah (Pesuruhjaya Tinggi ke Sri Lanka).

Tujuh ketua perwakilan asing ke Malaysia turut mempersembahkan watikah pelantikan masing-masing kepada Tuanku Abdul Halim.

BERNAMA